



Pemecatan Ketua Hakim Syariah Terengganu mengejutkan - Harakahdaily

Apa yang hendak dikejutkan dah memang sepatutnya, sekali air bah sekali itulah pasir akan berubah. Kalau dulu penyu tak bertelur di Terengganu tetapi sekarang banyak penyu akan bertelur di Terengganu.

Pemecatan itu bukan merupakan satu menganiayaan tetapi merupakan peralihan kuasa kalau dulu Ketua Hakim Syariah yang ada di pecat oleh Kerajaan PAS tetapi apabila BN menang perkara yang sama juga akan mengambil tempat. Begitu juga dengan pemecatan ahli-ahli JKKK dan diganti dengan Jawatankuasa Syura - kenapa orang PAS berdiam diri.

Dari berita-berita yang didengar, semua Pegawai-Pegawai Kontrak yang dilantik oleh Kerajaan PAS dulu akan digugurkan bukan disingkir. Ini kerana mereka adalah penyokong kuat PAS dan akan menimbulkan masalah dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu. hadi Awang dan konco-konconya kenalah berfikiran rasional atau agaknya dah terlalu banyak racun yang berkecamuk dalam kepala langsung tak boleh nak berfikir.